

F. 1 tegur pejuang Bakun puraz bela rakyat

UM 8 FEB 1986

lik pertubuhan - pertubuhan itu sebagai sosialis "crypto" (tersembunyi) yang mendapat idea-idea daripada negara - negara yang sudah maju.

Malangnya mereka tidak mengakui hakikat bahawa di negara - negara maju, kemudahan - kemudahan

asas seperti elektrik adalah murah dan perbuatan mereka sebenarnya hanyalah menyusahkan rakyat miskin, katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa sejak Barisan Nasional memerintah tujuannya tidak lain daripada untuk menolong

rakyat dan menyeru kepada perpaduan.

"Kami tidak pernah berhasrat hendak menimbulkan perasaan benci terhadap mana-mana golongan," katanya.

"Malangnya kerajaan sering diserang oleh parti-parti pembangkang dan

kumpulan - kumpulan lain," kata beliau.

Sebelum itu ketika ditanya, beliau berkata kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap golongan sosialis yang menghasut rakyat itu "tetapi kerajaan sedar apa yang sedang di-

lakukan oleh golongan itu."

Perdana Menteri yang diiringi oleh Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah menamatkan lawatan dua hari ke Negeri Pahang Darulmakmur dan berlepas ke Kuala Lumpur petang ini.